

# Rekaan terkini telekung solat

ERA ALEM TAMPIL DENGAN KUALITI TERSENDIRI



Telekung siap digubah untuk dijadikan hantaran.

Dunia fesyen hari ini semakin berkembang dan tempias ini turut dirasai persalinan telekung solat. Era memilih telekung yang selesa, rekaan kreatif, motif bunga-bunga dan warna menarik mendapat sambutan luar biasa.

Bagi pengeluar telekung solat jenama Era Alem, trend masyarakat kini selari dengan kehendak untuk beribadat dalam suasana selesa di samping pengaruh arus fesyen semasa yang begitu cantik untuk persalinan telekung solat.

Pemiliknya, Arrej Torla, 31, berkata, soal warna bukan suatu yang asing, ini kerana pelanggan memerlukan telekung yang dihasilkan daripada kain yang selesa dan sesuai bertepatan dengan faktor cuaca masyarakat kita.

"Lazimnya warna putih lebih sinonim, tetapi perubahan fesyen ketika ini mendorong masyarakat terutama di Malaysia memilih warna segar, *color blocking*, warna lembut namun menepati kriteria sebagai muslimah," katanya.

## PELBAGAI PILIHAN

Beliau menambah, Era Alem amat mementingkan kualiti dan kain yang digunakan dipastikan tidak jarang, jahitan dijamin sempurna dan rekaan kreatif perluhi segala keperluan wanita masa kini.

"Untuk beberapa koleksi jahitan di bahagian muka kami gunakan *smocking*, untuk memberi kesan terletak dan keselesaan ketika bersolat," jelasnya.

Pilihan produk Era Alem dibahagikan kepada telekung solat kegunaan harian, hantaran, dan rekaan eksklusif dalam

## INFO (i)

- Era Alem beroperasi menerusi dua butik di Sri Gombak dan Taman Permintaan Jaya, Kuala Terengganu. Juga secara alam maya di [www.eraalem.com/](http://www.eraalem.com/) [www.facebook.com/eraalem](http://www.facebook.com/eraalem) dan [@telekungeraalem](https://www.instagram.com/telekungeraalem)
- Produk: Telekung hantaran, rekaan eksklusif, berwarna, dalam pelbagai material.

pelbagai gaya.

"Koleksi untuk kegunaan harian, kami tampilan dengan rekaan ringkas, hantaran pula dalam pelbagai warna tema dan siap digubah untuk memudahkan bakal pengantin, seterusnya rekaan eksklusif yang sarat dengan sulaman dan hiasan," katanya.


Telekung Era Alem dihasilkan daripada sentuhan tukang jahit berpengalaman seperti sulaman ayak berbentuk kerawang.

Telekung Batik Floral antaranya menjadi pilihan kebanyakan bakal pengantin untuk dijadikan hantaran perkahwinan. Fabrik rosella yang sangat lembut dan sejuk serta *special smocking* di bahagian muka memastikan keselesaan si pemakai.

Sulamannya kemas dalam corak floral di atas kain rosella dan organza membentuk kombinasi menarik daripada rona lembut. Sulaman dijahit pada keliling telekung, bahagian leher dan kaki kain.

Telekung Aurora pula merupakan telekung dari rangkaian Fairy Tale koleksi Marwa. Telekung ini sangat eksklusif, tidak banyak dihasilkan.

Sulaman daripada rekaan tempatan



Gabungan soft lace warna hitam dipadankan pada fabrik satin.

yang sangat tebal dan rapi di seluruh keliling telekung, leher dan kaki kain berserta kerawang unik.

Daripada material Jesnita yang tebal, sangat sesuai untuk hantaran perkahwinan yang bertemakan *Fairy Tale wedding* juga mereka yang mementingkan class dan elegance.

"Jenis jahitan muka *smocking*, tiada getah organza juga kami hasilkan untuk mereka yang sukakan hiasan kerawang," katanya.

Fantasy Pink daripada fabrik Velvet untuk koleksi Alavea II. Kombinasi warna dan gabungan soft lace warna hitam yang disulam kemas pada fabrik Velvet Satin warna merah jambu menyerlahkan lagi persalinan ini.



**SNAILS & SONS** salah satu jenama popular pakaian kanak-kanak di Malaysia melancarkan koleksi Piala Dunia Brazil 2014 musim panas serentak meraikan acara yang dinanti-nantikan dalam arena sukan dunia.

Sempena kedatangan Piala Dunia Brazil 2014, Snails & Sons bersedia meraikan acara sukan dunia yang dinantikan ramai bersama kanak-kanak yang aktif dan amat meminati bola sepak.

Koleksi ini direka untuk menggalakkan kanak-kanak meraikan sambil memberi sokongan kepada pasukan bertanding yang terdiri daripada lapan rekaan kemeja polo yang berbeza berserta seluar pendek yang menonjolkan bendera pasukan popular yang bakal bertanding.

Untuk peminat pasukan popular seperti Jerman, Itali, Brazil, Sepanyol, England dan lain-lain dapat memakai kemeja polo mereka sebagai tanda sokongan semasa menyaksikan perlawanan nanti.

Koleksi ini boleh didapati dalam saiz 4 hingga 14 untuk lelaki bermula April 2014 dengan harga RM43.90 setiap satu di pusat membeli-belah terkemuka.

Selain koleksi istimewa meraikan Piala Dunia Brazil 2014, Snails & Sons turut menawarkan koleksi bertemakan Pengembara Urban untuk kanak-kanak urban yang bercita-cita meneroka dunia melalui pengembaraan.

Turut tampil dalam rekaan selesa, berwarna-warni serta mudah digayakan. Cetakan grafik pada kemeja T diinspirasikan daripada konsep *collegiate* yang dapat membuatkan kanak-kanak kelihatan kemas semasa mengembawa. Merah, biru, dan hijau adalah warna utama koleksi ini.

Koleksi kanak-kanak lelaki terdiri daripada kemeja dan kemeja bercorak petak dalam warna-warna utama untuk dipadankan bersama seluar pendek cargo dan jeans.

Kemeja T juga boleh didapati dalam corak berjulur dan grafik yang menggambarkan keseronokan zaman kolej.

Koleksi kanak-kanak perempuan pula, corak bunga dan kasual denim skirts yang selesa dan mengikuti fesyen terkini. Warna oren, hijau, merah, kuning, dan merah jambu adalah warna yang boleh didapati untuk dress dan seluar.

Koleksi Pengembara Urban boleh didapati di semua Outfitters Studio dan pusat membeli-belah ditawarkan dari RM36.90 hingga RM99.90. Keterangan lanjut layari [www.jordone.com.my](http://www.jordone.com.my).

**Snails & Sons**  
lancar koleksi piala dunia